

0795

R B074 AAB
MAHATHIR - TPM

PASIR MAS, 28 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA, SEORANG ANAK KELANTAN KEMUNGKINAN BESAR KINI TELAH MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI KALAU ORANG BERKENAAN TIDAK TERLALU GOPOH UNTUK NAIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED BERKATA, ORANG BERKENAAN MAMPU MENDUDUKI TANGGA KEDUA DALAM SUSUNAN PENTADBIRAN NEGARA KERANA TIMBALAN PERDANA MENTERI KETIKA ITU IAITU DATUK MUSA HITAM TELAH MELETAKKAN JAWATAN.

+KALAU ORANG BERKENAAN BERSABAR SEDIKIT SUDAH TENTU DIA AKAN MENGAMBIL ALIH TEMPAT DATUK MUSA,+ KATANYA KETIKA MENUTUP KURSUS KEPIMPINAN ISLAM ANJURAN YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM) DI DEWAN SEKOLAH MENENGAH SULTAN IBRAHIM I, DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, AKIBAT GOPOH DAN TERLALU BERCITA-CITA UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI, AKIBATNYA APA YANG DICITA-CITAKAN OLEH ORANG BERKENAAN TIDAK BERHASIL DAN AKHIRNYA DIA TERPAKSA MENUNGGU LEBIH LAMA.

MENURUTNYA, JAWATAN PERDANA MENTERI BUKAN HAK MILIK ORANG YANG BERJUANG UNTUK SESABUAH NEGERI TERTENTU SAHAJA, TETAPI ADALAH HAK BAGI ORANG YANG BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN SELURUH RAKYAT MALAYSIA.

-- LAGI

1441MST 28 06 90

0799

R B077 AAB
MAHATHIR - TPM 2 PASIR MAS

KATANYA, JAWATAN ITU TIDAK MUNGKIN AKAN DIMILIKI OLEH ORANG KELANTAN SEMATA-MATA DAN JIKA TIDAK ADA SOKONGAN DARI NEGERI-NEGERI LAIN.

+ADA ORANG PERNAH BERTANYA SAYA SAMA ADA ORANG SABAH BOLEH MENJADI PERDANA MENTERI. SAYA MENJELASKAN DIA AKAN HANYA BOLEH MENJADI PERDANA MENTERI ATAS KEDUDUKANNYA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA,+ TEGAS BELIAU.

MENURUT PERDANA MENTERI, SESEORANG ITU TIDAK BOLEH MENJADI SEORANG PEMIMPIN YANG BAIK JIKA HANYA MENGUTAMAKAN DIRI, KELUARGA ATAU NEGERI ASALNYA.

SEORANG PEMIMPIN, KATANYA, MESTILAH SENTIASA MENJAGA DISIPLIN DIRI, TIDAK MUDAH DIPENGARUHI OLEH KEHENDAK NAFSU DAN MEMAMPU MENENTUKAN ARUS ALIRAN PEMIKIRAN RAKYAT.

+SEKIRANYA SEORANG PEMIMPIN ITU TIDAK MENGAWAL DIRI DAN MENYELEWENG SUDAH PASTI MASYARAKAT YANG DIPIMPINNYA AKAN TURUT SESAT,+ TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

SERAMAI 187 ORANG PEMIMPIN MASYARAKAT DARI NEGERI INI MENYERTAI KURSUS ITU YANG BERTUJUAN MENGHAPUS PELBAGAI DAKYAH DAN FITNAH MENGENAI HAL-HAL KEAGAMAAN, POLITIK DAN EKONOMI YANG SEDANG GIAT DISEBARKAN OLEH PELBAGAI PIHAK.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR TAN SRI HAJI MOHAMED YAACOB DAN MENTERI PERTAHANAN TENGGU AHMAD RITHAUDEEN.

-- BERNAMA

1450MST 28 06 90